

# IKLAN JAWATAN KOSONG



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

## JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
1.	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S29	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	RM 1,493.00	RM 5,672.00

### 1. PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
  - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
  - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
  - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) Had umur pelantikan:
    - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**

- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **PERINGATAN KEPADA PEMOHON**

1. Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan di UiTM Cawangan Terengganu dan mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.
2. Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan akan disenaraihitam dan boleh diambil tindakan undang-undang.
3. Had umur pemohon bagi lantikan terus hendaklah tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
4. Had umur calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun adalah tidak melebihi 50 tahun. Manakala had umur calon yang memohon bagi kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL), adalah tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN.
6. Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan SALINAN DOKUMEN berikut:
  - Salinan Kad Pengenalan
  - Salinan Sijil SPM
  - Salinan Sijil STPM/STAM/SIJIL MATRIKULASI KPM/DIPLOMA
  - Salinan Transkrip STPM/STAM/SIJIL MATRIKULASI KPM/DIPLOMA
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji

### **DAN SEKIRANYA BERJAYA KE SESI TEMU DUGA, PEMOHON PERLU MENYEDIAKAN:**

- Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan / Badan Berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
  - Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut (penjawat awam)
7. Borang / dokumen yang tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.
  8. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temu duga.
  9. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak Universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU** jawatan yang diiklankan sahaja.
- b) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2006) (Jawatan Pentadbiran)** yang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu di <https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=197>
- c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 Jun 2023 (Selasa)**
- d) **Sila kemukakan borang permohonan dan salinan dokumen (PDF) melalui pautan berikut:** <https://forms.gle/j12JLV6xsazzXvA6>

**Nota penting: Permohonan secara atas talian sahaja. Dokumen asal tidak perlu dipos.**

- e) Sebarang pertanyaan berkaitan iklan boleh hubungi:

Bil.	Kategori Permohonan	No. Telefon
1.	Jawatan Staf Pentadbiran	09-8400 117

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD (PT.19/2)  
 Bil. Iklan : 2/2023  
 Tarikh : **12 Jun 2023**

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**